



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGGUNAAN DAN KEBOLEHBACAAN BAHAN DALAM  
BUKU TEKS BAHASA MALAYSIA TINGKATAN 2 KBSM**

**PANG HOCK CHIN**

**FPP 1996 6**

PENGGUNAAN DAN KEBOLEHBACAAN BAHAN DALAM  
BUKU TEKS BAHASA MALAYSIA TINGKATAN 2 KBSM

PANG HOCK CHIN

MASTER SAINS

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

1996



PENGGUNAAN DAN KEBOLEHBACAAN BAHAN DALAM  
BUKU TEKS BAHASA MALAYSIA TINGKATAN 2 KBSM

Oleh

PANG HOCK CHIN

Projek kajian ini dikemukakan untuk memenuhi  
sebahagian daripada syarat-syarat untuk mendapatkan  
Ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Pertanian Malaysia

November 1996



## PENGHARGAAN

Kertas projek ini berjaya disiapkan dengan adanya bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak. Penulis sangat terhutang budi kepada pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam usaha penulis menyempurnakan kertas projek ini. Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mereka, terutama:

Dr. Noran Fauziah Bt. Yaakub, selaku penyelia kertas projek ini yang telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar yang amat bermakna sepanjang penyelenggaraan kertas projek ini. Kesabaran, dedikasi dan komitmen beliau dalam melaksanakan tugas ini amat dihargai.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Melaka yang membenarkan penulis menjalankan kajian di Sekolah Menengah Sultan Mansur Shah, Pulau Sebang, Melaka.

Dr. Nik Safiah Karim, selaku pensyarah dan Ketua Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya yang telah memberikan maklumat yang amat bernas kepada penulis berhubung dengan prosedur penulisan buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan 2 KBSM (1988). Kerjasama beliau amat dihargai.

Pengetua, guru-guru dan para pelajar Tingkatan Dua di Sekolah Menengah Sultan Mansur Shah, Pulau Sebang, Melaka yang telah memberikan kerjasama yang amat baik dalam kajian ini.

Pensyarah-pensyarah di Jabatan Bahasa dan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia yang telah turut memberikan sokongan, bimbingan dan bantuan secara langsung atau tidak langsung dalam usaha penulis menyempurnakan kertas projek ini.

Akhir sekali, penyempurnaan kertas projek ini hanya dapat menjadi kenyataan dengan adanya bimbingan, tunjuk ajar, dorongan dan kerjasama daripada semua pihak yang tersebut di atas. Kepada mereka semua, penulis mengabdi-kan kertas projek ini.

## KANDUNGAN

Halaman

PENGHARGAAN .....	ii
SENARAI JADUAL .....	viii
SENARAI RAJAH .....	xi
ABSTRAK .....	xii
ABSTRACT .....	xvi

## BAB

I PENDAHULUAN .....	1
Pengenalan .....	1
Pernyataan Masalah .....	7
Kepentingan Kajian .....	8
Objektif Kajian .....	10
Definisi Operasional .....	11
Buku Teks .....	11
Bahan Bukan Sastera .....	11
Bahan Sastera .....	12
Batasan Kajian .....	12
II SOROTAN BAHAN KAJIAN BERKAITAN .....	14
Pengenalan .....	14
Kajian Buku Teks Bukan Bahasa .....	16

Kajian Buku Teks Bahasa .....	18
Nilai-nilai Murni .....	24
Penggunaan Bahan dalam Pengajaran Kemahiran Berbahasa .....	27
Penggunaan Bahan dalam Pengajaran Tatabahasa .....	29
Kebolehbacaan Bahan .....	30
Pandangan Guru-guru Terhadap Buku Teks Bahasa Malaysia .....	31
III KAEDAH DAN PROSEDUR PENYELIDIKAN .....	34
Pendekatan Penyelidikan .....	34
Kaedah Penyelidikan .....	35
Prosedur Analisis Buku Teks Bahasa Malaysia Tingkatan 2 KBSM (1988) .....	37
Prosedur Temu Bual dengan Guru-guru, Pelajar dan Dr. Nik Safiah Karim .....	39
Prosedur Menentukan Kebolehbacaan Bahan .....	41
Prosedur Menggunakan Formula Kebolehbacaan .....	41
Prosedur Menggunakan Teknik Kloz .....	43
Contohan .....	45
Penganalisisan Data .....	47
IV DAPATAN KAJIAN .....	48
Perbandingan Taburan Frekuensi Bahan Bukan Sastera dan Bahan Sastera .....	49
Jenis-jenis Bahan Bukan Sastera .....	50
Jenis-jenis Bahan Sastera .....	54

Perbandingan Taburan Frekuensi Nilai-nilai Murni dalam Bahan Bukan Sastera dan Bahan Sastera .....	58
Penerapan Ilmu dan Nilai-nilai Murni dalam Bahan Bukan Sastera dan Bahan Sastera .....	61
Penerapan Ilmu dalam Bahan Bukan Sastera .....	62
Ilmu Kemanusiaan .....	62
Ilmu Sains dan Teknologi .....	65
Ilmu Pendidikan .....	66
Hal-hal Umum .....	67
Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Bahan Bukan Sastera .....	70
Nilai Kerjasama .....	70
Nilai Kebersihan Fizikal dan Mental .....	72
Nilai Baik Hati .....	73
Nilai Kasih Sayang .....	73
Nilai Hormat-menghormati .....	75
Nilai Hemah Tinggi .....	76
Nilai Kerajinan .....	77
Nilai Kewarganegaraan .....	78
Penerapan Ilmu dalam Bahan Sastera .....	80
Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Bahan Sastera .....	84
Nilai Hemah Tinggi .....	84
Nilai Kerjasama .....	85
Nilai Hormat-menghormati .....	86
Nilai Baik Hati dan Kerajinan .....	87
Nilai Kasih Sayang .....	88
Nilai Kesyukuran dan Keberanian .....	89
Nilai Kewarganegaraan .....	90
Perbandingan Taburan Frekuensi Penggunaan Bahan Bukan Sastera dan Bahan Sastera dalam Pengajaran Kemahiran Berbahasa .....	93
Penggunaan Bahan Bukan Sastera dalam Pengajaran Kemahiran Berbahasa .....	94
Penggunaan Bahan Sastera dalam Pengajaran Kemahiran Berbahasa .....	98
Perbandingan Taburan Frekuensi Penggunaan Bahan Bukan Sastera dan Bahan Sastera dalam Pengajaran Tatabahasa .....	105
Penggunaan Bahan Bukan Sastera dalam Pengajaran Tatabahasa .....	106
Penggunaan Bahan Sastera dalam Pengajaran Tatabahasa .....	110

Kebolehbacaan Bahan .....	114
Laporan Hasil Temu Bual .....	117
Profesor Dr. Nik Safiah Karim .....	118
Pandangan Guru-guru Bahasa	
Melayu Tingkatan Dua .....	123
Pandangan Pelajar-pelajar	
Tingkatan Dua .....	127
V KESIMPULAN DAN CADANGAN .....	129
Kesimpulan .....	129
Kekuatan-kekuatan Buku Teks	
Bahasa Malaysia Tingkatan 2 KBSM .....	130
Kekurangan-kekurangan Buku Teks	
Bahasa Malaysia Tingkatan 2 KBSM .....	133
Cadangan .....	141
BIBLIOGRAFI .....	144
LAMPIRAN A: RUJUKAN KEMAHIRAN BERBAHASA .....	149
LAMPIRAN B: SAMPEL PETIKAN MENGIRA KEBOLEHBACAAN BAHAN .....	154
LAMPIRAN C: PETIKAN-PETIKAN UJIAN KLOZ .....	158
LAMPIRAN D: JAWAPAN PELAJAR DALAM UJIAN KLOZ .....	165
LAMPIRAN E: SOALAN-SOALAN TEMU BUAL .....	178
LAMPIRAN F: SURAT-SURAT KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN .....	184
BIODATA PENULIS .....	190

## SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1 Taburan Frekuensi Bahan Bukan Sastera dan Bahan Sastera .....	49
2 Taburan Frekuensi Jenis-jenis Bahan Bukan Sastera .....	51
3 Taburan Frekuensi Bahan Bukan Sastera Berbentuk Prosa dan Grafik .....	52
4 Taburan Frekuensi Jenis-jenis Bahan Sastera .....	55
5 Taburan Frekuensi Bahan Sastera Berbentuk Prosa dan Puisi .....	57
6 Taburan Frekuensi Nilai-nilai Murni dalam Bahan Bukan Sastera dan Bahan Sastera .....	58
7 Nilai-nilai Murni dalam Bahan Bukan Sastera dan Bahan Sastera .....	59
8 Penerapan Ilmu Kemanusiaan dalam Bahan Bukan Sastera .....	63
9 Penerapan Ilmu Sains dan Teknologi dalam Bahan Bukan Sastera .....	65
10 Penerapan Ilmu Pendidikan dalam Bahan Bukan Sastera .....	66
11 Penerapan Ilmu Hal-hal Umum dalam Bahan Bukan Sastera .....	68
12 Taburan Frekuensi Penerapan Ilmu dalam Bahan Bukan Sastera .....	69
13 Penerapan Nilai Kerjasama dalam Bahan Bukan Sastera .....	71
14 Penerapan Nilai Kebersihan Fizikal dan Mental dalam Bahan Bukan Sastera .....	72

15	Penerapan Nilai Baik Hati dalam Bahan Bukan Sastera .....	73
16	Penerapan Nilai Kasih Sayang dalam Bahan Bukan Sastera .....	74
17	Penerapan Nilai Hormat-menghormati dalam Bahan Bukan Sastera .....	75
18	Penerapan Nilai Hemah Tinggi dalam Bahan Bukan Sastera .....	76
19	Penerapan Nilai Kerajinan dalam Bahan Bukan Sastera .....	77
20	Penerapan Nilai Kewarganegaraan dalam Bahan Bukan Sastera .....	78
21	Taburan Frekuensi Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Bahan Bukan Sastera ....	79
22	Penerapan Ilmu dalam Bahan Sastera .....	81
23	Taburan Frekuensi Penerapan Ilmu dalam Bahan Sastera .....	83
24	Penerapan Nilai Hemah Tinggi dalam Bahan Sastera .....	84
25	Penerapan Nilai Kerjasama dalam Bahan Sastera .....	85
26	Penerapan Nilai Hormat-menghormati dalam Bahan Sastera .....	86
27	Penerapan Nilai Baik Hati dan Kerajinan dalam Bahan Sastera .....	87
28	Penerapan Nilai Kasih Sayang dalam Bahan Sastera .....	88
29	Penerapan Nilai Kesyukuran dan Keberanian dalam Bahan Sastera .....	89
30	Penerapan Nilai Kewarganegaraan dalam Bahan Sastera .....	90
31	Taburan Frekuensi Nilai-nilai Murni dalam Bahan Sastera .....	91

32	Taburan Frekuensi Penggunaan Bahan Bukan Sastera dan Bahan Sastera dalam Pengajaran Kemahiran Berbahasa .....	93
33	Penggunaan Bahan Bukan Sastera dalam Pengajaran Kemahiran Berbahasa .....	95
34	Taburan Frekuensi Penggunaan Bahan Sastera dalam Pengajaran Kemahiran Berbahasa .....	99
35	Taburan Frekuensi Penggunaan Bahan Bukan Sastera dan Bahan Sastera dalam Pengajaran Kemahiran Berbahasa .....	104
36	Taburan Frekuensi Penggunaan Bahan Bukan Sastera dan Bahan Sastera dalam Pengajaran Tatabahasa .....	105
37	Taburan Frekuensi Penggunaan Bahan Bukan Sastera dalam Pengajaran Tatabahasa .....	107
38	Penggunaan Bahan Bukan Sastera dalam Pengajaran Morfologi dan Sintaksis .....	108
39	Taburan Frekuensi Penggunaan Bahan Sastera dalam Pengajaran Tatabahasa .....	110
40	Penggunaan Bahan Sastera dalam Pengajaran Morfologi dan Sintaksis .....	112
41	Taburan Frekuensi Penggunaan Bahan Bukan Sastera dan Bahan Sastera dalam Pengajaran Morfologi dan Sintaksis .....	113
42	Markat Purata Pelajar Mengikut Petikan ....	115

## **SENARAI RAJAH**

Rajah	Halaman
1 Carta Pie Taburan Frekuensi Bahan Bukan Sastera dan Bahan Sastera .....	49
2 Carta Pie Taburan Frekuensi Bahan Bukan Sastera Berbentuk Prosa dan Grafik .....	53
3 Taburan Frekuensi Bahan Sastera Berbentuk Prosa dan Puisi .....	56
4 Carta Pie Taburan Frekuensi Bahan Sastera Berbentuk Prosa dan Puisi .....	57

**Abstrak kertas projek yang dikemukakan kepada  
Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai  
memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat  
keperluan untuk ijazah Master Sains**

**PENGGUNAAN DAN KEBOLEHBACAAN BAHAN DALAM  
BUKU TEKS BAHASA MALAYSIA TINGKATAN 2 KBSM**

Oleh

**PANG HOCK CHIN**

**NOVEMBER 1996**

**Penyelia : Prof. Madya Dr. Noran Fauziah Bt. Yaakub**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Analisis buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan 2 KBSM (1988) perlu dijalankan kerana kajian-kajian ke atas buku teks Bahasa Malaysia yang lain mendapati beberapa kekurangan dalam buku teks yang berfungsi sebagai sumber tunggal untuk pengajaran. Objektif kajian adalah untuk membanding taburan frekuensi bahan bukan sastera dan bahan sastera, taburan frekuensi nilai-nilai murni dalam bahan-bahan, penerapan ilmu dan nilai-nilai murni, penggunaan bahan-bahan dalam pengajaran kemahiran berbahasa dan tatabahasa serta kebolehbacaan bahan.

Kajian ini menggunakan empat kaedah iaitu analisis kandungan, temu bual, Formula Kebolehbacaan dan ujian kloz. Analisis kandungan digunakan untuk mencapai enam objektif yang dinyatakan seperti di atas. Temu bual dijalankan dengan penulis pertama buku teks (Dr. Nik Safiah Karim), guru-guru dan para pelajar Tingkatan Dua untuk mendapatkan maklumat tambahan berhubung dengan bahan bukan sastera dan bahan sastera dalam buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan 2 KBSM (1988). Ujian kloz dijalankan di kalangan pelajar Tingkatan Dua untuk menentukan kebolehbacaan bahan. Selain ujian kloz, kebolehbacaan bahan juga ditentukan melalui Formula Kebolehbacaan.

Keputusan kajian menunjukkan terdapat tujuh bahan bukan sastera yang tidak terdapat dalam buku teks tersebut iaitu pengumuman, kuiz, syarahan, temu ramah, indeks buku, risalah dan rajah. Namun begitu, bahan-bahan sastera memenuhi senarai bahan sastera dalam Huraian Sukatan Bahasa Malaysia Tingkatan II (1989).

Hasil kajian juga menunjukkan terdapat 10 nilai murni diterapkan melalui bahan bukan sastera dan bahan sastera iaitu hormat-menghormati, hemah tinggi, kerajinan, baik hati, kerjasama, kasih sayang, kewarganegaraan, kebersihan fizikal dan mental, kesyukuran dan keberanian. Namun

begitu, terdapat tiga nilai murni lain yang tersenarai dalam Huraian Sukatan Pelajaran tidak terdapat dalam buku teks tersebut iaitu keadilan, kejujuran dan rasional. Dari segi penerapan ilmu, terdapat lapan ilmu diterapkan melalui bahan-bahan tersebut iaitu sains, budaya, pendidikan, sejarah, geografi, matematik, bahasa dan hal-hal umum.

Penggunaan bahan bukan sastera dan bahan sastera dalam buku teks tersebut untuk pengajaran kemahiran berbahasa dan tatabahasa adalah memenuhi kehendak Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Tingkatan II (1988). Kebolehbacaan bahan dalam buku teks tersebut adalah sesuai dengan tahap kefahaman dan kebolehan pelajar Tingkatan Dua.

Hasil temu bual dengan guru dan pelajar Tingkatan Dua, didapati terdapat bahan lama yang tidak berkaitan dengan isu-isu semasa. Misalnya, "Hang Tuah Lima Bersahabat". Petikan berita dan syair tidak dapat menarik minat pelajar. Petikan "Jasamu Dikenang" tidak dapat difahami oleh pelajar-pelajar lemah (tidak tahu membaca).

Berdasarkan penemuan-penemuan tersebut, dapat dirumuskan bahawa kelebihan-kelebihan buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan 2 KBSM (1988) ialah bahan-bahan sastera memenuhi kehendak Huraian Sukatan Pelajaran, penerapan pelbagai ilmu

dan nilai murni, penggunaan bahan bukan sastera dan bahan sastera dalam pengajaran kemahiran berbahasa dan tatabahasa memenuhi kehendak Huraian Sukatan Pelajaran serta kebolehbacaan bahan sesuai dengan tahap kefahaman pelajar Tingkatan Dua. Terdapat dua kekurangan dalam buku teks tersebut, iaitu bahan bukan sastera dan nilai-nilai murni tidak memenuhi kehendak Huraian Sukatan Pelajaran sepenuhnya.

Berdasarkan kelebihan-kelebihan dan kekurangan-kekurangan yang disenaraikan di atas, dapat dirumuskan bahawa buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan 2 KBSM (1988) kurang menepati kehendak Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Tingkatan II (1989). Oleh itu, buku teks tersebut tidak dapat dijadikan bahan tunggal untuk pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Dua KBSM.

Abstract of Project Paper submitted to the Senat  
of Universiti Pertanian Malaysia as partial  
fulfillment of the requirements for the  
degree of Master of Science

**USAGE AND READABILITY OF MATERIAL IN THE  
INTERGRATED CURRICULUM SECONDARY SCHOOL (ICSS)  
BAHASA MALAYSIA FORM TWO TEXTBOOK**

By

**PANG HOCK CHIN**

**NOVEMBER 1996**

Supervisor : Assoc. Prof. Dr. Noran Fauziah Bt. Yaakub

Faculty : Faculty of Educational Studies

There is a need to carry out content analysis of the ICSS Bahasa Malaysia Form Two textbook because studies on other Bahasa Malaysia textbooks found certain deficiencies in those textbooks, which function as the main source for teaching. The objectives of the study were to analyse the frequencies of non-literary and literary materials, the frequencies of moral values in these materials, instilling of knowledge and moral values, the use of these materials in teaching language competency and grammar and the readability of the text.

Four methods were used in this study, namely, content analysis, interview, readability formula and cloze test. Content analysis was used to obtain the six objectives of the study. Interview was conducted with the main author (Dr. Nik Safiah Karim), teachers and Form Two students for the purpose of getting more information about non-literary and literary materials in the textbook. Cloza test was carried out on a few Form Two students for the purpose of determining the readability of the text. Besides the cloze test, the readability formula was used to determine the level of difficulty of the text.

The findings of the study showed seven non-literary material were missing in the textbook, namely, announcement, quiz, speech, interview, book index, pamphlet and diagram. However, the literary materials met the requirements of the syllabus.

The findings of the study also showed that ten moral value were found in the non-literary and literary materials, viz, respect, modesty, diligence, benevolence, co-operation, affection, citizenship, physical and mental cleanliness, thankfulness and courage. Nevertheless, three other moral value which were listed in Bahasa Malaysia Form Two syllabus, were missing in the textbook, namely,

justice, sincerity and rationale. In terms of knowledge, there were eight types of knowledge in these materials, namely, science, culture, education, history, geography, mathematics, language and general knowledge.

The use of non-literary and literary materials for teaching language competency and grammar were found to meet the requirements of Bahasa Malaysia Form Two syllabus. The readability of material was appropriate to the level of understanding and ability of Form Two students.

Results of interview with teachers and some Form Two students found certain materials in the textbook were not current enough, namely, "Hang Tuah Lima Bersahabat". News cutting and "syair" were said to be not interesting. It was also found that weak students were not able to understand the text of "Jasamu Dikenang".

Based on the results of the study, it can be concluded that the strengths of ICBB Bahasa Malaysia Form Two textbook (1988) were based on the fact that literary materials fulfilled the requirements of the syllabus, these materials instilled a variety of knowledge and moral values, the use of non-literary and literary materials in teaching language competency and grammar fulfilled the requirements of the

syllabus and the readability of material in the textbook was appropriate to the level of understanding and ability of Form Two students. Two deficiencies were found in the textbook, i.e the non-literary materials and moral values have not met the requirements of the syllabus.

Based on the strengths and deficiencies of the textbook enumerated above, it can be concluded that the Bahasa Malaysia Form Two textbook has not fully met the requirements of the Bahasa Malaysia Form Two syllabus. As such, it can not be used as the only source for teaching Form Two Bahasa Malaysia.

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **Pengenalan**

Sukatan pelajaran merupakan panduan yang menggariskan matlamat, objektif, isi pelajaran dan kemahiran yang perlu dicapai oleh seseorang pelajar dalam sesuatu mata pelajaran (Juriah Long, Raminah Hj. Sabran dan Sofiah Hamid, 1990: 80). Ini bermakna setiap mata pelajaran mempunyai sukanan pelajaran masing-masing.

Bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mula dilaksanakan pada tahun 1988. Pelaksanaan sukanan pelajaran bertujuan untuk memberikan panduan kepada guru-guru dalam perancangan pengajaran dan pembelajaran bahasa di dalam bilik darjah.

Sukatan pelajaran tersebut menyatakan bahawa matlamat pendidikan Bahasa Melayu di sekolah menengah adalah untuk membolehkan para pelajar:

1. Menghargai dan membanggakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara serta alat perpaduan rakyat sesuai dengan semangat dan prinsip-prinsip Rukun Negara.
2. Memahami sistem bahasa Melayu dari segi bentuk, makna dan fungsinya dan menggunakannya dengan tepat dalam kehidupan harian.
3. Menggunakan bahasa Melayu dengan berkesan dalam bidang ilmu pengetahuan.
4. Menggunakan bahasa Melayu dengan berkesan dalam perhubungan harian.
5. Membaca pelbagai bahan sebagai satu amalan untuk menimba ilmu pengetahuan dan memenuhi masa lapang.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988: 2)

Pernyataan-pernyataan tersebut jelas menunjukkan bahawa matlamat pendidikan Bahasa Melayu dalam KBSM adalah untuk menghasilkan para pelajar yang dapat menghargai dan membanggakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Para pelajar juga diharapkan dapat memahami dan menggunakan sistem bahasa dari segi bentuk, makna dan fungsi dengan berkesan dalam bidang ilmu pengetahuan dan perhubungan sehari-hari. Selain itu, matlamat pendidikan Bahasa Melayu juga menekankan unsur pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai yang perlu dikuasai oleh para pelajar.

Objektif pendidikan Bahasa Melayu sekolah menengah adalah untuk membolehkan para pelajar:

1. Mendengar, memahami dan menilai pertuturan dalam siaran am dan media massa.
2. Bertutur dengan fasih dan lancar serta memberikan pendapat dan hujah-hujah yang kritis dan analitis dalam pelbagai situasi.
3. Membaca pelbagai jenis bahan dengan cekap dan kritis serta dapat membuat tafsiran, penilaian dan rumusan yang wajar.
4. Membaca, memahami dan menghayati pelbagai bahan sastera dan ilmiah.
5. Menghasilkan pelbagai jenis penulisan.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988: 2)

Berdasarkan objektif pendidikan Bahasa Melayu yang tersenarai di atas, jelas menunjukkan bahawa objektif pendidikan Bahasa Melayu bertujuan untuk meneguhkan dan meningkatkan penguasaan berbahasa para pelajar khususnya dalam keempat-empat kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Selain itu, unsur-unsur sikap dan nilai yang perlu dibentuk melalui penguasaan kecekapan berbahasa juga ditegaskan dalam objektif pendidikan Bahasa Melayu.

Untuk melahirkan para pelajar yang mempunyai sikap, nilai dan kecekapan berbahasa yang ternyata dalam matlamat dan objektif Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM (1988), bahan pengajaran pendidikan bahasa mestilah dirancang supaya memberikan penekanan kepada perkara-perkara berikut:

1. Penguasaan bahasa Melayu yang bermutu dan berdasarkan pada ketepatan tatabahasa.
2. Peningkatan kecekapan berbahasa dan kecekapan menggunakan variasi bahasa Melayu dalam pelbagai situasi; peningkatan kecekapan menggunakan sistem tatabahasa dan gaya bahasa yang indah serta peningkatan kecekapan untuk menggunakan bahasa yang mempunyai unsur nilai dan budaya tinggi.
3. Pemupukan semangat kewarganegaraan dan nilai murni masyarakat Malaysia.

(Juriah Long, Raminah Hj. Sabran dan Sofiah Hamid, 1990: 12)

Kepentingan bahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa juga ditegaskan oleh Azman Wan Chik (1986: 6). Beliau menjelaskan bahawa bahan ialah faktor terpenting dalam menentukan kejayaan program pembelajaran sebagai bahasa ibunda. Bahanlah yang menggerakkan pembelajaran,